

Salimah Sabah ambil inisiatif tangani masalah sosial di kalangan remaja


UB 3.1.2018 B10

Oleh ABD NADDIN HJ SHAIDDIN

KOTA KINABALU: Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia (SALIMAH) Negeri Sabah mengambil inisiatif untuk menangani masalah sosial yang melanda masyarakat khususnya dalam kalangan remaja.

Sehubungan itu, Salimah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah (JHEWA) menganjurkan Seminar Selamatkan Zuriat Kita di Wisma Wanita pada Rabu yang dihadiri kira-kira 211 peserta.

Program didahului dengan



PESERTA Seminar Selamatkan Zuriat Kita anjuran Salimah.



PESERTA Seminar Selamatkan Zuriat Kita merakamkan gambar kenangan bersama Jainab.

ceramah "Zuriatku, Jom Ke Syurga" yang disampaikan Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Ustaz Issraq Ramli dan kemudian ceramah oleh Ustazah Hamidah Abdul Hamid, Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dengan tajuk "Selamatkan Zuriat Kita".

Selepas itu, pada sebelah petang, Forum "Zuriatku, Sahamku" dengan ahli panel Ustazah Hajah Nordiana Haji Alwi yang juga Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kemajuan Islam Sabah (JAKIM) Ustaz Issraq Ramli dan Nor Hasdi Hassan seorang kaunselor

berdaftar yang juga Ketua Seranta Felda Sabah .Kali ini Ustazah Hamidah Abdul Hamid sekali lagi menjadi moderator majlis.

Perasmian Penutupan disempurnakan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah,Datuk Hajah Jainab DSP Haji Ahmad Ayid. Beliau turut menyampaikan Sumbangan kepada Golongan 4T iaitu golongan ibu Tunggal, Tinggal (yang ditinggalkan suami), Terlantar (OKU) dan Teraniaya.

Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia (SALIMAH) adalah sebuah

NGO yang bernaung dibawah Malaysian Consultative Council of Islamic Organization (MAPIM) dan berdaftar sebagai Pertubuhan secara rasmi pada 17 Mac 2011 berpusat di Selangor. Salimah Negeri Sabah pula dirasmikan dan dilancarkan pada 27 Oktober 2013.

Salimah adalah satu persatuan yang relatif baru namun sangat aktif bergerak dalam pelbagai aktiviti , pendidikan masyarakat khususnya kaum wanita serta aktiviti kebajikan di dalam dan luar negara.

Pengerusi Salimah Sabah, Siti Khadijah Abdullah yang juga Pengarah Program berkata, Program Selamatkan Zuriat Kita adalah satu inisiatif yang dianjurkan oleh Salimah untuk menangani masalah sosial yang melanda masyarakat kita khususnya dalam kalangan remaja.

Saimah juga memberi penekanan kepada gaya hidup sihat, menjadi pengguna yang bijak selain membimbing masyarakat agar tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup yang dipaparkan dalam iklan . ia juga sekaligus mendidik remaja bijak mengurus aspek



JAINAB(tiga dari kanan) dan **Siti Khadijah** (tiga dari kiri) ketika perasmian. Turut kelihatan **Nordiana** (dua dari kiri), **Hamidah** (kiri sekali), **Issraq** (kanan sekali) dan **Nor Hasdi** (dua dari kanan).

berkaitan diri, masa depan dan kewangan.

Salimah Sabah menganjurkan program Selamatkan Zuriat Kita sejak tahun 2015. Namun Kemampuan Salimah sebagai NGO sangat terhad,

yang tidak mungkin dapat meluaskan program ini bagi menyantuni mendidik, membimbing ummah, kata Siti Khadijah.

Bagi memantapkan usaha ini salimah memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak untuk mengerakkan usaha ini.

Semoga dengan kerjasama itu akan menjadikan langkah Salimah lebih perkasa untuk melestarikan

tanggungjawab dakwah demi melahirkan kecemerlangan Ummah.

Kini Salimah Sabah diketuai oleh Siti Khadijah Abdulla, dengan Setiausaha Nur Hafizah Mohd Reduan dan Bendahari Hajah Nabsia Haji Yunus dan dibantu oleh barisan AJK yang komited dan gigih dalam menjalankan program dan aktiviti Salimah.



MASLINAH menerima bantuan daripada Salimah yang disampaikan oleh Jainab.